

29/08/2002

Fikiran rakyat perlu dipermoden

Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Rabu - Ketua Pengarang Kumpulan New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), Tan Sri Abdullah Ahmad menyifatkan proses permodenan pemikiran rakyat penting bagi memastikan kemajuan yang dikecapi negara bukan hanya pada permukaan saja.

Beliau berkata ini kerana negara memerlukan rakyat yang boleh melengkapkan diri seiring atau lebih maju daripada perkembangan semasa dunia, baik dari segi saintifik, teknologi atau mana-mana bidang lain.

Proses pemodenan pemikiran itu, iaitu bagi memastikan seseorang itu berfikiran terbuka, ingin belajar selain sedia menerima, mempertimbangkan dan memikirkan semula pilihan yang terdedah kepadanya, membabitkan usaha bersama dan gigih ibu bapa, guru dan pemimpin.

"Golongan muda di negara ini, seperti yang boleh dijangkakan, tidak nampak sebarang bahaya di hadapan mereka kerana mereka tidak melalui zaman penjajahan British atau ketika Jepun menakluki negara ini.

"Namun pada hakikatnya, mereka perlu menyedari bahawa penjajahan masih boleh berlaku dalam pelbagai cara, baik secara tidak langsung atau secara lembut, sehingga kita sendiri tidak menyedari sudah dijajah," katanya dalam ucapan perasmian Pameran Menuju 2020 anjuran Institut Teknologi Kreatif Limkokwing (LICT), di sini hari ini.

Hadir sama, isteri Abdullah, Puan Sri Fauzah Mohamad Darus, Presiden LICT, Tan Sri Dr Lim Kok Wing, Pengerusi Lembaga Pengarah LICT, Prof Emeritus Tan Sri Dr Awang Had Salleh dan Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah LICT, Datuk Sulaiman Osman.

Menuju 2020 adalah pameran fotografi mengenai liku perjalanan suka duka negara daripada zaman sebelum merdeka sehingga sekarang mengikut penafsiran pelajar LICT yang diadakan mulai hari ini sehingga 1 September ini di Pusat Beli Belah Bangsar.

Pameran kira-kira 50 keping gambar itu antara lain memaparkan perjuangan rakyat negara ini di bawah penguasaan British dan Jepun selain merakamkan perkembangan negara ke arah mencapai kemerdekaan, pembangunan ekonomi serta kemajuan pesat di bawah kepimpinan empat perdana menteri.

Menuju 2020 juga cuba memberi gambaran mengenai masa depan negara yang mencecah usia 45 tahun Sabtu ini dengan memaparkan usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membangunkan negara berpandukan Wawasan 2020 yang diilhamkan beliau sendiri.

Pameran yang dipersembahkan pelajar LICT itu bertujuan menerapkan semangat kebanggaan serta cintakan negara di kalangan masyarakat selain memupuk kesedaran terhadap kejayaan pemimpin membangunkan negara dengan berteraskan perpaduan dan keharmonian.

Abdullah berkata, walaupun mereka yang segenerasi dengannya atau lebih muda sedikit menyaksikan sendiri proses pembangunan negara sejak mencapai kemerdekaan, beliau yakin ramai masih terpegun dengan perubahan pesat yang dialami negara.

Jelas beliau, rakyat tidak mungkin melihat Malaysia seperti yang ada sekarang jika tidak kerana empat perdana menteri yang mentadbir negara ini sejak mencapai kemerdekaan 45 tahun lalu, malah mungkin pameran yang beliau rasmikan itu pun tidak dibenarkan.

"Jangan fikir ini sesuatu yang mustahil berlaku. Lihat apa yang terjadi di Indonesia atau Myanmar sekarang. Justeru, kenangkan jasa pemimpin kita mengemudi pembangunan negara sehingga mencapai apa yang kita kecapai sekarang," katanya.

Dalam menghadapi cabaran dan kesan buruk yang dibawa globalisasi, beliau berkata rakyat harus yakin kepada diri sendiri.

"Cara terbaik untuk melakukannya ialah dengan bersyukur terhadap keamanan, kestabilan, keharmonian, dan kemakmuran yang dinikmati sekarang dan jika kita terus berpegang kepada sikap yang munasabah, sederhana, dan rasional, lebih banyak lagi yang boleh diharapkan pada masa depan" katanya.

Beliau juga memetik kenyataan Dr Mahathir di Johor baru-baru ini, menasihatkan generasi muda belajar daripada sejarah supaya masyarakat tidak mengulangi kesalahan di masa lalu.

Abdullah berkata, sejarah membuktikan bahawa pencapaian negara setakat ini amat memberangsangkan dan pencapaian itu hanya dapat dikekalkan jika masyarakat sanggup mempertahankannya. Justeru, terpulang kepada generasi muda untuk memastikan kesinambungannya.